



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE- 180 BIL. 28/2025**

**PENGURUSAN KEBAJIKAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR MELALUI
SKIM KEBAJIKAN KASEH UMPSA**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Kali Ke 62 Bil 2/2025 bertarikh 4 Jun 2025 telah bersetuju meluluskan Pengurusan Kebajikan Dan Kemudahan Pelajar Melalui Skim Kebajikan Kaseh UMPSA. Sehubungan itu, UMPSA tidak lagi melantik mana-mana Syarikat takaful untuk perlindungan pelajar sebaliknya mengurus sendiri perlindungan pelajar melalui Skim Kebajikan Kaseh UMPSA.

Skim Kebajikan Kaseh UMPSA melindungi semua pelajar-pelajar yang layak seperti berikut:

- i. Semua pelajar prasiswazah dan pascasiswazah UMPSA (Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah)
- ii. Pelajar Warganegara Malaysia
- iii. Pelajar aktif berstatus sepenuh masa dan separuh masa

Faedah dan sumbangan manfaat Skim Kebajikan Kaseh UMPSA adalah seperti di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Kebajikan, Pembiayaan dan Disiplin Pelajar

Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Tarikh: 5 Ogos 2025

MANFAAT DI BAWAH SKIM KEBAJIKAN KASEH UMPSA




اونیورسیتی ملیسیا فوهج السلطان عبد الله
 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
 AL-SULTAN ABDULLAH

1 SUMBANGAN KEMATIAN

KADAR	RM5,000.00
CATATAN	Bayaran akan dibuat setelah selesai penolakan berkaitan lain-lain kos pengurusan jenazah sekiranya ada.

2 SUMBANGAN KEMATIAN IBU /AYAH /
PENJAGA SAH

KADAR	RM1,500.00
CATATAN	RM 1,500.00 tuntutan wang panjar (Ayah, Ibu, Suami/Isteri)

3 SUMBANGAN IHSAN MUSIBAH

KADAR	RM500
CATATAN	Sumbangan ihsan musibah meliputi pesakit luar akibat kemalangan tanpa motor / kenderaan bermotor / kecederaan / trauma / sebarang jenis bencana semasa dalam tempoh pengajian

4 SUMBANGAN KEMATIAN PASANGAN

KADAR	RM500
CATATAN	Sekali sepanjang pengajian

5 SUMBANGAN KEILATAN

KADAR	Maksimum RM8,000.00
CATATAN	Maksimum RM 8,000.00, sepanjang pengajian (rujuk Jadual keilatan)

6 SUMBANGAN KEMASUKAN WAD

KADAR	RM 100.00
CATATAN	Minimum 3 hari Maksimum 7 hari

5 SUMBANGAN PENGEBUMIAN

KADAR	RM 1,000 Semenanjung RM2,000 Sabah / Sarawak
CATATAN	Tertakluk kepada kelulusan JK Bantuan Kewangan Pelajar



UMAR
MUTHU
PETER
SIEW LIN
AMINAH

KELULUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN (JTK)
 KALI KE-62 BILANGAN 2/2025

TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT

